

# Perwaja bukti kejayaan Melayu

KEMAMAN, Selasa — Kejayaan Perwaja Steel Sdn Bhd membuktikan orang Melayu boleh berjaya dalam industri berteknologi tinggi setaraf dengan bangsa lain di dunia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, kemampuan itu menolak segala dakwaan terhadap Melayu sebelum ini bahawa mereka tidak boleh berjaya dalam sebarang pekerjaan yang dilakukan.

"Kejayaan itu juga menambah keyakinan kerajaan untuk meningkatkan pelaburan dalam industri berat seperti ini," katanya ketika berucap kepada pekerja Perwaja Steel di sini, hari ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kejayaan itu amat menggembirakan beliau kerana kilang itu yang diusahakan oleh Perbadanan Industri Berat Malaysia (Hicom), mempunyai 90 peratus pekerja Melayu dan 75 peratus daripada mereka penduduk tempatan.

"Kalau dulu keadaan Perwaja amat buruk, hari ini ia sudah berubah ke tahap cemerlang selepas melakukan perubahan dalam pelbagai bidang yang boleh mendorong kejayaan," katanya.

Perdana Menteri berkata, kejayaan yang sedang dicapai juga membuktikan Melayu sudah setaraf dengan bangsa lain yang maju seperti Jepun dan Korea, dalam industri berat yang memerlukan teknologi tinggi.

Bahkan, kata beliau pekerja Perwaja adalah lebih baik dibandingkan pekerja sesetengah syarikat di negara Barat.

Menurutnya, yang penting kejayaan seseorang itu bukan kerana bangsa tetapi falsafah dan etika kerja serta sanggup belajar daripada orang yang lebih pandai dan maju.

"Kejayaan yang dicapai hari ini adalah kerana wujudnya sistem pentadbiran yang baik di antara majikan dan pekerja serta falsafah dan etika kerja yang baik.

"Inilah kali pertama pekerja kilang yang majoritinya Melayu berusaha mengekalkan pengurusan bukan Melayu," katanya.

Beliau berkata, kejayaan Perwaja setelah penyusunan semula pentadbiran dengan meletakkan Tan Sri Eric Chia sebagai Pengarah Urusan, turut membuktikan Melayu ber-

potensi maju seperti kaum lain jika mereka sanggup melepaskan diri daripada belenggu perasaan bahawa mereka tidak boleh berjaya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kejayaan sesebuah syarikat bukan terletak pada siapa yang mengendalikannya tetapi sikap pekerja yang baik, tekun serta amanah dan rajin tanpa perbezaan satu sama lain.

"Saya diberitahu, orang Melayu tidak tahan bekerja tempo panas tetapi apa yang dapat saya lihat dalam kilang ini, mereka bekerja dengan baik dan mutu kerja mereka tidak kurang daripada bangsa lain," ujarinya.

Bercakap kepada pemberita kemudian, Perdana Menteri berkata menjelang tahun depan, Perwaja Steel akan berupaya mengeluarkan kira-kira 1.2 juta tan metrik besi keluli apabila dua kilang barunya siap dibina.

Kini, kilang itu hanya berupaya mengeluarkan 600,000 tan metrik besi. Dengan tambahan kilang baru kelak, syarikat itu akan mempunyai keupayaan pengeluaran anta-

LIHAT MUKA 2

## Kilang baru babitkan pelaburan \$1,050j

● DARI MUKA 1 \*

ra yang terbaik di rantau ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kilang baru itu membabitkan pelaburan lebih \$1,050 juta, iaitu pembinaan kilang mengeluarkan sistem besi reduksi terus berharga \$650 juta

dan sebuah kilang baru bernilai \$400 juta.

Menjawab soalan pemberita, beliau berkata kerajaan akan memastikan pembinaan beberapa kilang besi baru, terutama menerusi pelaburan asing, tidak bersaing dengan

Perwaja.

"Apa yang saya diberitahu, beberapa kilang dari luar negara yang akan dibuka di sini tidak lama lagi menggunakan cara lain dan tidak seperti yang sedang dilakukan di Perwaja," katanya.

Turut hadir di majlis perjumpaan itu ialah Pengerusi Perwaja, Tan Sri Zainal Abidin Sulong dan Tan Sri Eric Chia. Selepas perjumpaan itu, Perdana Menteri makan tengah hari bersama pekerja di kantin kilang itu.